




جابتن قريكانن

JABATAN PERIKANAN

Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan

**PANDUAN RINGKAS
TATACARA PENGHASILAN DAN PEMELIHARAAN**

IKAN KELI



I. PENGENALAN


Ikan keli atau nama saintifik *Clarias spp.* ialah salah satu ikan air tawar di Asia Tenggara yang mudah dipelihara dan boleh bertahan dalam keadaan dan persekitaran yang ekstrem serta tahan lasak.

Penternakan ikan keli tidak memerlukan kawasan yang luas, boleh hidup subur dalam keadaan air yang keruh, tidak mudah diserang penyakit dan hanya memerlukan penjagaan minima.



II. KITARAN HIDUP

Kitaran hidup ikan keli:



Source: thefishsite.com

III. CARA PEMBENIHAN IKAN KELI

Kriteria pemilihan induk adalah seperti berikut:

- Induk ikan keli bersaia 100-150 g atau umur 6-8 bulan
- Jumlah ikan keli betina dan jantan menggunakan nisbah 2:5 (contoh 200 ekor betina dan 1000 ekor jantan)
- Menyimpan ikan keli betina dan jantan di dalam tangki yang berasingan

IV. PROSES PEMBIAKAN DENGAN HORMON

Teknik pembiakan menggunakan simulasi hormon ini adalah untuk merangsang induk ikan agar dapat ovulasi dan mengeluarkan sperma. Hormon yang akan digunakan dengan dos suntikan kepada induk betina adalah 0.02-0.05 mL Ovaprim/100 g BW.



Ringkasan proses adalah seperti berikut:

1. Beri anaesthetize pada ikan keli betina dengan memasukkannya ke dalam baldi berisi 10 liter air paip dicampur dengan 5 mL bius (2-phenoxyethanol)

2. Keringkan ikan betina dan suntik hormon pada otot dorsal

3. Ikan jantan dikeringkan untuk dibius, buat potongan L-shape untuk membuka perut dan mengeluarkan sperma

4. Letakkan sperma dalam bekas, bilas dengan NaCl 0.9%, pindahkan ke dalam pinggan bersih, jika pekat, tambah NaCl 0.9% untuk melarutkan sperma.

5. Tekan perut ikan betina tadi untuk mengeluarkan telur ke dalam bekas baru yang bersih dan kering. Tuangkan larutan sperma tadi ke dalam bekas telur dan gaulkan selama 30 - 60 saat

6. Tambah 5 mL air paip, gaul lagi untuk memastikan persenyawaan (fertilization). Kemudian pindahkan telur yang sudah bersenyawa ke dalam scoop net

7. Sapukan telur di atas net tray di dalam bekas. Kekalkan paras air kira-kira 10 cm di dalam bekas tersebut.



Telur akan menetas menjadi larva dalam masa 24-30 jam selepas persenyawaan. Seterusnya, larva hendaklah diberi makanan semula jadi seperti Artemia nauplii, cacing hidup dan sebagainya.

PERINGKAT LARVA


Pindahkan larva berumur 4-6 hari ke dalam tangki dengan paras air 10-15 cm. Stok pada 100-150 larva/L.

Beri pengudaraan (aeration) pada kadar perlahan, dan beri makan larva dengan Artemia nauplii yang baru menetas pada kadar 10 individu/mL dengan kekerapan tiga kali sehari. Tukar kira-kira 30% air dalam tangki larval tersebut setiap hari.

Beri makan larva berumur 7-10 hari dengan kutu air (cladoceran Moina atau Daphnia) pada 5-10 individu/mL dengan kekerapan tiga kali sehari selama 4 hari lagi

Mulakan memberi makan larva dengan diet formula pada pagi hari ke-10 dan berikan makanan semula jadi pada sebelah petang. Tukar 50% air setiap hari.

Teruskan memberi makanan sehingga hari ke-15, dimana larva boleh dipindahkan ke tangki semaian.



V. PEMAKANAN

Beri makanan jenis pellet dua kali sehari pada kadar 5% daripada daripada berat badan ikan untuk bulan pertama dan diturunkan pada kadar 0.5% setiap bulan sehingga bulan kelima pemeliharaan dalam kolam.

IV. PEMELIHARAAN DALAM KOLAM

Benih ikan keli perlu di acclimatization (penyesuaian kepada keadaan air seperti suhu) terlebih dahulu sebelum disimpan dalam kolam. Benih ikan yang dipilih hendaklah sihat dan bersais seragam dengan berat badan purata 3-5 gram.

PENYEDIAAN KOLAM

Tanah dasar kolam dibajak, ratakan dan keringkan selama 2-3 minggu. Periksa dinding kolam untuk kebocoran dan rekahan.

Membasmi spesies yang tidak diinginkan menggunakan kapur. Taburkan kapur pada 500-1,000 kg/ha bagi meningkatkan pH tanah

Isi air hingga kedalaman 10-20 cm dan biarkan mengendap selama 7 hari

Taburkan baja bukan organik (NPK 16-20-0) pada 50 kg/ha dan urea pada 25 kg/ha

Isi air dalam kolam hingga mencapai kedalaman 50-60 cm

Ada juga pengusaha yang menggunakan teknik konvensional dengan memberi makan ikan keli dengan jenis makanan seperti ikan buangan, isi perut ayam yang dicampur rice bran/dedak padi, sisa makanan atau roti. Namun tidak digalakkan kerana akan menjejaskan kualiti air.

Pengusaha adalah disarankan untuk sentiasa memantau dan mempunyai rutin dalam pengurusan ikan seperti membuat sampling (menimbang ikan), pemantauan kualiti air (suhu, pH, ammonia etc), memantau tahap kesihatan ikan dengan memeriksa tanda-tanda penyakit atau ada kelainan secara visual, dan menyediakan rekod aktiviti seharian.

VI. PENUAIAN

Tuai ikan apabila mencapai saiz 80-200 gram mengikut permintaan selepas 3-5 bulan pemeliharaan dalam kolam dan dijual sebagai produk ikan segar.



RUJUKAN:

SOUTHEAST ASIAN FISHERIES DEVELOPMENT CENTRE

BRUNEI GOOD AQUACULTURE PRACTICE (BGAqP)


**AWANG CHAN JENG SUNG
(COMMATRA TRADING SDN BHD)**

UNTUK PERTANYAAN LANJUT:

**DIVISYEN INDUSTRI AKUAKULTUR
JABATAN PERIKANAN**

TEL: +673 2771457

EMEL: industri.akuakultur@fisheries.gov.bn



Disediakan oleh:

**Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan**